SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG
No. 01-02-01, Jalan Ahmah Nor, Pusat Dagangan Nova
11600 Jelutong, Pulau Pinang

+6012-401 0186
info@pydc.com.my
https://www.pydc.com.my

Sidang Muda 2022 & 2023
ISBN 978-9 67-26747-2-6
9 789672 674726
PYDC Strategies Sdn Bhd



SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

DEMOKRASI · AKTIVISME · GOVERNAN

SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022 & 2023

Diterbitkan oleh:
PYDC Strategies Sdn Bhd
No. 01-02-01, Jalan Ahmah Nor, Pusat Dagangan Nova
11600 Jelutong, Pulau Pinang

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk, dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain untuk tujuan ciplak dan cetak rompak.

SIDANG MUDA PULAU PINANG

2022 & 2023

PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG

DEMOKRASI · AKTIVISME · GOVERNAN



SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

ISI KANDUNGAN

Perutusan 01

Pengenalan 05

Proses & Perjalanan Sidang Muda 2022 11

- Bengkel Persediaan Persidangan Sidang Muda 2022 15
- Kunjungan ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang 17
- Persidangan Sidang Muda 2022 19
- Projek Penempatan Ahli Sidang Muda 2022 23
- Ahli Sidang Muda 2022 25

Proses & Perjalanan Sidang Muda 2023 45

- Bengkel Demokrat Muda 1.0 49
- Bengkel Demokrat Muda 2.0 51
- Bengkel Persediaan Persidangan Sidang Muda 2023 53
- Lawatan ke Parlimen dan Agensi Kerajaan Selangor 55
- Persidangan Sidang Muda 2023 57
- Projek Penempatan Ahli Sidang Muda 2023 61
- Ahli Sidang Muda 2023 63

Penghargaan 81

PERUTUSAN

YAB CHOW KON YEOW

KETUA MENTERI
NEGERI PULAU PINANG



Belia Untuk Masa Depan!

Youth for future!

Tahniah kepada semua barisan belia yang berani menyahut cabaran untuk keluar dari zon selesa masing-masing bagi menerokai peluang serta cabaran baharu dengan menjadi sebahagian daripada Sidang Muda 2022 & 2023.

Sebagaimana persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang sebenar, pentas Sidang Muda menyediakan platform khas dalam mencungkil kemahiran berhujah, kupasan isu-isu semasa, memperjuangkan keperluan rakyat khasnya dan juga percambahan kreativiti terutamanya dalam mengetengahkan pembangunan sosial ekonomi kepada generasi pelapis negeri serta negara.

Diberikan peranan sebagai YAB Tuan Ketua Menteri, barisan Exco, '*backbenchers*' atau Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pembangkang, persidangan yang berlangsung di bangunan DUN merupakan kemuncak dalam siri penganjuran Sidang Muda. Justeru, gunakanlah peluang dan ruang yang disediakan ini untuk menonjolkan bakat cemerlang masing-masing yang mana ia secara tidak langsung dapat memberi pendedahan kepada anda semua mengenai proses merangka dasar serta membuat keputusan oleh sesebuah kerajaan.

Umumnya, pentas Sidang Muda merupakan suatu fenomena baharu yang membuktikan bahawa golongan belia sudah bersedia untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan menjadi pemimpin masyarakat. Suara serta pendapat anda adalah penting dalam memeta hala tuju negeri serta negara. Oleh itu, persepsi atau stereotaip bahawa golongan belia tidak berminat dengan politik sudah tidak relevan lagi pada masa kini.

Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, kami sedar akan kepentingan peranan anak muda dalam menggerakkan aspirasi belia. Selaras dengan gagasan Visi Penang2030 – Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara, kami merangka dan melipatgandakan penganjuran pelbagai program dan inisiatif bagi tujuan menggalakkan penyertaan lebih ramai belia melalui sinergi pelbagai pihak berkepentingan untuk memperkasakan belia kita ke arah pembangunan yang hoslitik.

Sebagai penutup kata, syabas sekali lagi diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Sidang Muda 2022 dan 2023. Adalah diharapkan agar usaha berterusan ini dapat menemui titik kesepakatan antara semua pihak yang terlibat demi membawa arus kemodenan dikecapi kini ke satu tahap yang lebih unggul.

Sekian, terima kasih.

YB DATO' LAW CHOO KIANG

YANG DI-PERTUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG



Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) atas penerbitan buku Sidang Muda 2022 & 2023.

Generasi muda merupakan pelapis yang akan melanjutkan dan memimpin negara ke hadapan. Tidak boleh dinafikan bahawa situasi dan perkembangan politik di Malaysia kini semakin kompleks dan mencabar. Sudah tiba masanya bagi arena politik Malaysia untuk memberikan fokus yang lebih kepada golongan belia. Penglibatan generasi muda dalam arena politik memainkan peranan yang sangat signifikan di mana golongan ini akan mengambil alih peranan kepemimpinan politik dan pembangunan negara pada masa yang akan datang.

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sebagai satu badan perundangan amat mengalu-alukan program sebegini untuk mendedahkan golongan belia terhadap fungsi persidangan yang beraksi untuk pengubalan polisi serta pembahasan tentang isu rakyat.

Oleh yang demikian, sekali lagi saya ingin mengucapkan syabas kepada PYDC atas penganjuran Sidang Muda yang bermatlamat untuk melahirkan pemimpin belia yang berkaliber dalam arena politik.

Penurunan kelayakan umur mengundi dan calon pilihan raya ke umur 18 tahun adalah satu langkah yang sangat penting untuk pembangunan negara. Saya yakin anjuran program sebegini mampu melahirkan sudut baharu dan pandangan alternatif mengenai lanskap politik pada masa depan.

Justeru saya menyambut baik usaha PYDC dalam menerbitkan buku Sidang Muda 2022 & 2023. Saya berharap agar suara dan kehendak ahli Sidang Muda serta golongan belia terus didengar dan hujahan mereka dapat diberikan ruang untuk dipaparkan dan direalisasikan.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menerbitkan buku Sidang Muda ini.

Sekian, terima kasih.

PERUTUSAN

YB GOOI ZI SEN

EXCO BELIA, SUKAN DAN KESIHATAN
NEGERI PULAU PINANG



Untuk Belia Kita!

Selaras dengan matlamat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam visi Penang2030 bagi memperkasakan penyertaan sivik dan secara khususnya nutuk menggalakkan penyertaan golongan belia dalam kehidupan masyarakat, Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Belia, Sukan dan Kesihatan melalui Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC), telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan program Sidang Muda sejak tahun 2015.

Penglibatan golongan belia dalam bidang politik adalah amat penting dalam pembangunan bangsa dan negara terutamanya untuk menjaminkan kestabilan negara yang bertunjangkan masyarakat majmuk. Walaupun sistem pendidikan formal telah memainkan peranan yang penting untuk melahirkan kematangan politik belia negara, namun sosialisasi belia dalam masyarakat arus perdana juga merupakan pelengkapan kepada sistem pendidikan formal sedia ada bagi meningkatkan kematangan politik generasi belia negara.

Saya berharap program ini dianjurkan secara berterusan dan mampu meningkatkan penyertaan belia dalam proses pembuatan keputusan pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan merangkumi persepsi belia dari segi politik, sosial dan ekonomi untuk negeri dan negara kita.

Akhir kata, saya berharap alumni Sidang Muda yang mempunyai kekuatan melebihi 200 orang belia ini boleh meneruskan semangat untuk menyumbang kepada pembangunan negara. Selain itu, saya menyeru anak-anak muda kita yang bakal menyertai Sidang Muda pada sesi yang akan datang menghargailah peluang ini untuk menonjolkan potensi dan bakat masing-masing.

Sekian.

DR GWEE SAI LING

PENGURUS BESAR
PERBADANAN PEMBANGUNAN BELIA PULAU PINANG



Untuk Belia Untuk Anda!

for Youth for You!

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah menerima cabaran dan terlibat dalam Sidang Muda pada sesi 2022 dan 2023. Perjalanan ini bukanlah mudah, ia memerlukan komitmen yang tinggi.

Perjalanan untuk menjadi seorang ahli Sidang Muda bukanlah senang, mereka telah dipilih melalui Bengkel Demokrat Muda yang dianjurkan oleh PYDC berdasarkan prestasi sepanjang bengkel di mana belia yang mempunyai prestasi cermelang turut akan dicalonkan. Selepas dipilih, pihak PYDC turut menyediakan bengkel persediaan untuk melengkapkan lagi kemahirannya serta pengetahuan mereka demi bersedia untuk mengaplikasikan dalam persidangan Sidang Muda. Ahli Sidang Muda turut perlu melaksanakan tugasan masing-masing berdasarkan portfolio.

Pelaksanaan Sidang Muda telah ditambahbaikkan dan disusun semula setiap tahun berdasarkan maklum balas dan perkembangan isu semasa. Persidangan Sidang Muda turut ditransformasikan dari perbahasan yang ringkas ke perjalanan yang mencerminkan persidangan Dewan Undangan Negeri yang sebenar supaya belia lebih mendekati proses demokrasi di peringkat negeri secara langsung.

Proses penyediaan ke persidangan Sidang Muda bukan setakat melibatkan ahli Sidang Muda sahaja. Ia juga melibatkan Pejabat EXCO Kerajaan yang sedia untuk membimbing dan membincangkan isu yang bakal dibangkitkan bersama barisan EXCO Sidang Muda. Ini merupakan peluang yang amat bernilai bagi golongan belia untuk lebih memahami fungsi dan operasi serta dasar-dasar Kerajaan Negeri secara langusng.

Perbincangan dan perbahasan antara ahli Sidang Muda bukan sahaja setakat di dewan, malah semua perkara yang telah dikemukakan sepanjang persidangan akan dikumpulkan dan dihantarkan kepada pihak yang berkenaan sebagai rujukan.

Akhir kata, PYDC sebagai agensi penggerak belia akan meneruskan usaha untuk menjamin budaya politik sebegini yang sihat dan matang melalui pembangunan belia.

Sekian, terima kasih.

SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

01

PENGENALAN

SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

PENANG YOUTH DEVELOPMENT CORPORATION

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang

Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) ditubuhkan pada 14 Mac 2012 dan merupakan sebuah agensi di bawah Kerajaan Negeri Pulau PInang yang membantu merealisasikan visi secara kolektif untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah masyarakat maju dan progresif melalui pembangunan belia. Ia bertujuan untuk membangunkan golongan muda secara holistik, bekerjasama dengan belia untuk memperkuatkan mereka dari segi sosial dan perkembangan ekonomi, untuk membolehkan belia melaksanakan pengaruh mereka, menemui suara, dan kedudukan mereka dalam masyarakat dan mencapai potensi penuh dalam kehidupan.

VISI

Ke arah melahirkan belia yang berintegriti, berkebolehpasaran dan kompeten.

MISI

Untuk mendidik, membangun dan memperkasakan belia ke arah pembangunan holistik.

Untuk Belia Kita!

Satu ungkapan yang mempromosikan sokongan, perhatian, dan tindakan yang ditumpukan kepada golongan belia atau generasi muda dalam masyarakat. Ia merujuk kepada kepentingan untuk memberikan peluang, platform, dan sumber daya kepada belia agar mereka dapat berkembang, menyumbang kepada masyarakat, dan memastikan masa depan yang lebih cerah. Slogan ini menekankan komitmen untuk memberikan perhatian kepada keperluan dan aspirasi generasi muda dalam usaha memperkukuhkan masyarakat dan negara.

Youth for Future

"Belia Untuk Masa Depan"

Inisiatif ini dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah MMK Belia dan Sukan bagi membangunkan anak muda di Pulau Pinang dan melengkapkan mereka dengan pelbagai pengetahuan agar mereka sedia menghdapi cabaran masa depan serta menyumbang kepada pebangunan negara.

Pembangunan Ekonomi	Pembangunan Sosial	Pembangunan Diri
Keusahawanan	Penyertaan Sosial	Daya Kepimpinan
Platform Kerjaya	kesukarelawanan	Bimbingan
Bakat Digital	Kesedaran Sivik	Pembangunan Kreativiti dan Minat Belia (Bakat, Seni dan Budaya)
Pemerkasaan Kemahiran Belia	Pembangunan Belia Luar Bandar	

SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

Sidang Muda

Sidang Muda merupakan program tahunan anjuran Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) sejak tahun 2015. Program ini merupakan satu siri latihan dan bengkel latihan pendemokrasian yang bertujuan untuk menekankan nilai kesedaran sivik, demokrasi dan kewarganegaraan dalam kalangan belia.

Secara umum, usaha pendidikan pendemokrasian dan pemerkasaan belia melalui program Sidang Muda sebenarnya telah bermula di Pulau Pinang sejak tahun 2010 lagi dengan nama "Parlimen Muda". Pada peringkat awal pelaksanaannya, program tersebut digerakkan oleh belia dengan kerjasama pertubuhan bukan kerajaan iaitu Suara Rakyat Malaysia (SUARAM) Cawangan Pulau Pinang serta dengan sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Lebih 500 alumni telah dilahirkan sejak penganjuran program pendidikan pendemokrasian ini yang kemudiannya dijenamakan semula sebagai Sidang Muda. Sebahagian daripada alumni tersebut kini menjadi aktivis sosial dan politik. Ramai daripada mereka kini terus berbakti kepada masyarakat melalui platform-platform yang berlainan seperti menjawat sebagai Ahli Majlis dan Ahli Dewan Undangan Negeri.

Matlamat besar Sidang Muda adalah untuk melahirkan generasi muda yang celik politik dan sedar akan peranan serta tanggungjawab mereka dalam sebuah negara yang demokrasi. Sebagai sebuah entiti yang bebas daripada parti politik, Sidang Muda berhasrat untuk membentuk golongan muda Malaysia yang lebih aktif dalam politik dan hal ehwal pemerintahan negara. Ini satu matlamat yang jauh lebih besar daripada merekrut kader-kader parti politik.

Meskipun berpangkalan di wilayah utara, tumpuan Sidang Muda tidak terhad kepada para belia di Pulau Pinang sahaja. Secara umum, wilayah tumpuannya turut menjangkau belia dari seluruh negara. Siri bengkel yang dianjurkan di bawah inisiatif Sidang Muda sejak tahun 2015 sehingga ke hari ini banyak menerima penyertaan belia dari pelbagai negeri termasuk Selangor, Perak, Johor, Pahang, Kelantan malah dari wilayah Sabah dan Sarawak.

Sidang Muda adalah satu wadah untuk menyahut seruan kerajaan ke arah pendemokrasian. Malaysia telah memasuki ke satu landskap politik yang baharu dengan dorongan menuju reformasi yang melibatkan semua lapisan masyarakat. Belia merupakan penggerak utama dalam arena ini. Justeru, Sidang Muda memberi peluang untuk golongan belia menyumbangkan pandangan dan idea, serta membentuk nilai kepimpinan beretika dan berkaliber dalam diri mereka.

Pelaksanaan program pendidikan pendemokrasian dan pemerkasaan belia ini adalah selari dengan matlamat kerajaan negeri Pulau Pinang, iaitu Tema C dalam Visi Penang2030, “Memperkasa Rakyat Bagi Meningkatkan Penyertaan Awam”. Dalam tema ini, kerajaan negeri Pulau Pinang secara khusus ingin menggalakkan lagi penyertaan belia dalam isu-isu kemasyarakatan. Antara aspek penting yang ditekankan dalam proses penggalakan ini adalah dengan memperkasakan komuniti kemasyarakatan terutamanya dalam kalangan belia.

2015



2016



2017



2018



2019



2020



2021



SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

02

PROSES DAN PERJALANAN SIDANG MUDA 2022

GARIS MASA SIDANG MUDA 2022



Bengkel Persediaan Persidangan Sidang Muda
21 - 22 Mei 2022



Persidangan Sidang Muda 2022
04 Jun 2022



Kunjungan ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang
01 Jun 2022



Projek Penempatan Ahli Sidang Muda
01 Ogos - 31 Oktober 2022

BENGKEL PERSEDIAAN PERSIDANGAN SIDANG MUDA

21 - 22 Mei 2022

Zoom Meeting & DISTED College, Pulau Pinang

Ahli Sidang Muda 2022 telah bersedia untuk bersidang!

Sebelum memasuki Persidangan Sidang Muda, inisiatif Bengkel Persediaan Sidang Muda telah dianjurkan sepanjang 2 hari secara hibrid untuk memanaskan badan dan minda para Ahli Sidang Muda!

Bengkel ini bertujuan untuk melengkapkan para Ahli Sidang Muda dengan kemahiran perbahasan asas untuk sedia beraksi di persidangan nanti.

Taklimat Perjalanan & Protokol Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Untuk melengkapkan para Ahli Sidang Muda dengan pengetahuan tentang proses serta perjalanan DUN dengan lebih lanjut, YB Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bagi penggal tersebut telah dijemput untuk memberi satu pengenalan mengenai topik tersebut.

Beliau telah berkongsi tentang pengalaman beliau sebagai Timbalan Yang di-Pertua DUN dari aspek proses penyediaan soalan DUN, proses persidangan DUN serta peraturan-peraturan majlis mesyuarat.



Sesi Perkongsian Bersama ADUN & Ahli Parlimen

(YB Lim Siew Khim & YB Wong Hon Wai)

YB Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) dan YB Wong Hon Wai (Ahli Parlimen Bukit Bendera) untuk penggal tersebut dan mantan EXCO Perancang Bandar & Desa, Perumahan dan Kesenian, juga dijemput untuk berkongsi tentang peranan dan tanggungjawab mereka di DUN, dari aspek "*backbencher*" dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).

Pesanan YB Lim Siew Khim kepada Ahli Sidang Muda bahawa semua mampu menjadi wakil rakyat asalnya mempunyai hati yang ikhlas untuk berkhidmat.

Beliau turut berkongsi perjalanan politik beliau yang bermula sebagai seorang penolong YB, kerani di ibu pejabat parti sehingga dilantik sebagai Ahli Majlis dan ADUN.

YB Wong juga berpesan kepada para Ahli Sidang Muda bahawa tidak kira sama ada anda seorang EXCO yang bertanggungjawab menjawab persoalan ataupun ahli *backbencher* atau pembangkang yang berperanan mengemukakan soalan, kedua-dua pihak perlu memainkan peranan dengan profesional kerana kedua-duanya pemain penting dalam proses pelaksanaan dasar negara dan negeri.

Beliau turut berkongsi beberapa senario berkaitan cara bertanya dan menjawab soalan yang berlaku di Parlimen Malaysia dan juga konsep "*Prime Minister's Question*" daripada *House of Commons* di UK.

> *"Semua perjalanan terdapat permulaannya."*
> *– YB Lim Siew Khim*

> *"Kemahiran dalam menanya soalan dan menjawab soalan adalah sama penting."*
> *– YB Wong Hon Wai*



Simulasi Persidangan Sidang Muda

Hari kedua Bengkel Persediaan Sidang Muda berlangsung secara fizikal di DISTED College, Pulau Pinang. Satu simulasi persidangan telah diadakan untuk semua Ahli Sidang Muda untuk membantu mereka memahami dan membiasakan diri dengan proses dan tatacara Persidangan Sidang Muda.

YB Kumaresan a/l Aramugam (ADUN Batu Uban) turut hadir dan beraksi sebagai Speaker untuk simulasi tersebut. Beliau telah mempengerusikan simulasi dengan baik serta berkongsi tentang "*Do's and Don't's*" semasa persidangan bersama Ahli Sidang Muda.









KUNJUNGAN KE DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG

01 Jun 2022

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Kunjungan ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang oleh 8 Ahli Sidang Muda 2022 telah diadakan sempena Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sedang berlangsung. Kunjungan ini bertujuan untuk mendedahkan proses dan situasi sebenar persidangan dijalankan.

Ahli Sidang Muda turut berpeluang untuk berinteraksi dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berada di dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Lebih signifikan lagi, mereka turut berpeluang bertemu dengan YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang dalam lawatan tersebut!



PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2022

04 Jun 2022

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Persidangan Sidang Muda 2022 turut mencerminkan perjalanan persidangan serupa dengan persidangan DUN yang sebenar supaya para Ahli Sidang Muda berpeluang merasai proses penggubalan dasar di peringkat Negeri dengan lebih tepat dan realistik.

Persidangan Sidang Muda tahun ini telah dibahagikan kepada 3 sesi, iaitu Sesi Perbahasan, Sesi Penggulungan dan Sesi Perbahasan Usul. Persidangan tersebut dipengerusikan oleh YB Dato' Law Choo Kiang, Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, dan YB Dato' Dr. Amar Pritpal, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Persidangan berakhir dengan Majlis Penutupan yang disempurnakan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang. Persidangan Sidang Muda kali ini merekodkan kehadiran seramai 35 Ahli Sidang Muda, yang terdiri daripada 11 orang EXCO, 7 Pembangkang dan 17 *Backbencher*.



Objektif

a Memberi pendedahan mengenai nilai sivik yang meliputi kenegaraan, kewarganegaraan (*citizenship*) dan pemerkasaan komuniti (*community empowerment*);

b Memupuk peserta dengan nilai pemikiran kritis, menyelesaikan masalah dan kepimpinan;

c Melengkapkan anggota komuniti belia dengan kemampuan mengenal pasti, menganalisa dan mencadangkan penyelesaian masalah atau isu di peringkat komuniti;

d Meningkatkan kerjasama dan persefahaman antara komuniti belia dengan agensi kerajaan yang berkaitan baik di peringkat kerajaan tempatan atau kerajaan negeri.

PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2022

04 Jun 2022

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Perutusan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Persidangan didahului dengan bacaan doa dan seterusnya secara rasminya dibuka oleh YB Dato' Law Choo Kiang, Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

YB Dato' Law Choo Kiang memulakan ucapan beliau dengan ucapan tahniah kepada Ahli Sidang Muda atas komitmen semua dan beliau berhasrat untuk menyaksikan satu persidangan yang berkualiti tinggi.

Beliau juga mengingatkan tentang beberapa peraturan sebelum persidangan dimulakan secara rasmi.

Sesi Perbahasan

Persidangan dibuka tirai dengan Sesi Perbahasan.

Setiap ahli *backbencher* dan pembangkang telah diberi keutamaan untuk bermula dengan membangkitkan persoalan dan isu yang dipandang serius oleh mereka. Setiap ahli telah diberi masa sebanyak 3 - 5 minit untuk ucapan mereka.

Kandungan yang dibangkitkan oleh para Ahli Sidang Muda perlulah selaras dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri supaya perkara tersebut boleh dibahas lanjut dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Setiap isu dan persoalan yang telah dibangkitkan akan dijawab oleh barisan EXCO Sidang Muda di Sesi Penggulungan.

Sesi Penggulungan

Selepas Sesi Perbahasan, barisan EXCO Sidang Muda perlulah memberi respon kepada setiap soalan yang telah dibangkitkan berdasarkan portfolio masing-masing.

Untuk Sidang Muda pada tahun ini, barisan EXCO Sidang Muda diberi peluang untuk membincang isu-isu yang diterima bersama pejabat EXCO untuk mendapat fakta dan statistik untuk menyokong kandungan untuk sesi penggulungan beliau.










Sesi Perbahasan Usul

Selesai sahaja Sesi Penggulungan, persidangan diteruskan dengan Sesi Perbahasan Usul. Sesi Perbahasan Usul adalah sesi untuk Ahli Sidang Muda mengemukakan cadangan mereka kepada dewan untuk dibahaskan dan seterusnya mendapatkan sokongan majoriti.

Sesi ini merupakan sesi yang paling dinanti-nantikan oleh Ahli Sidang Muda kerana diberi peluang melontarkan cadangan dan persoalan atas usul yang bakal dibahas.

Cadangan usul oleh Ahli Sidang Muda telah dikemukakan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri untuk penentuan usul yang akan dibahas. Ahkirnya, terdapat 2 usul telah dipilih oleh beliau untuk Sesi Perbahasan Usul.

"*Dewan Ini Mencadangkan Menyelaraskan Peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mengikut Tahap Kemiskinan Dan Jumlah Populasi Di Kawasan DUN*" merupakan usul yang telah dicadangkan oleh Ahli Sidang Muda kawasan Pulau Tikus, saudara Lee Joe Sern. Beliau menekankan bahawa peruntukan pembangunan kawasan sentiasa digunakan sebagai senjata politik untuk menghukum rakyat di kawasan pembangkang. Peruntukan sama rata bukan langkah yang ideal manakala cadangan beliau adalah selaraskan peruntukan dengan tahap kemiskinan dan populasi di KADUN.

Ahli Sidang Muda kawasan Bagan Jermal selaku EXCO Belia dan Sukan, saudara Ng Zhen Feng telah mengemukakan usul yang amat relevan dengan program Sidang Muda yang berbunyi *"Dewan Ini Mencadangkan Kerajaan Negeri Membentuk Dewan Muda Negeri Pulau Pinang"*. Usul ini telah disokong oleh Ahli Sidang Muda kawasan Komtar, saudara Brandon Loo Zhe Yu. Cadangan Dewan Muda ini melibatkan mekanisme pemilihan oleh golongan belia di Pulau Pinang serta Ahli Dewan Muda akan diberi tanggungjawab yang lebih besar dan tempoh yang lagi panjang. Berdasarkan ucapannya, beliau percaya bahawa Dewan Muda akan menggalakkan golongan belia melibatkan diri secara aktif dalam bidang politik serta meningkatkan kesedaran politik secara langsung.

Kedua-dua usul yang telah dibahas telah menerima sokongan majoriti. Semua cadangan usul serta teks ucapan telah dikumpulkan dan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan sebagai cadangan dan rujukan lanjut.

Majlis Penutupan

"Persidangan Sidang Muda akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kelak."

Persidangan sampai ke penghujungnya selepas selesai ketiga-tiga sesi tersebut. Majlis penutupan telah disempurnakan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, diiringi YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan untuk penggal tersebut serta Dr Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC.

PROJEK PENEMPATAN AHLI SIDANG MUDA

01 Ogos - 31 Oktober 2022

Projek Penempatan Ahli Sidang Muda telah berlangsung sepanjang 3 bulan dari 1 Ogos 2022 sehingga 31 Oktober 2022. Seramai 12 Ahli Sidang Muda dan 10 Pusat Khidmat telah mengambil bahagian dalam projek tersebut.

Satu taklimat telah diadakan bersama Pusat Khidmat dan Ahli Sidang Muda untuk membuat pengenalan dan penerangan tentang inisiatif ini demi meningkatkan lagi penyertaan Ahli Sidang Muda dalam bidang politik. Daripada maklum balas yang diterima susulan Projek Penempatan Ahli Sidang Muda 2021, mekanisme bagi Projek Penempatan Ahli Sidang Muda 2022 diperbaharui dan diperkemaskan.

Tujuan projek ini adalah untuk meneruskan usaha program Sidang Muda untuk memberi pendedahan kepada golongan belia mengenai proses demokrasi di Malaysia serta meningkatkan penyertaan sosial belia.

Para Ahli Sidang Muda telah melibatkan diri melalui pelbagai kaedah bersama Pusat Khidmat untuk menyempurnakan Projek Penempatan Ahli Sidang Muda. Penglibatan Ahli Sidang Muda dalam projek ini merangkumi pengurusan aduan, aktiviti turun padang, penulisan kenyataan media dan ucapan, menghadiri ke mesyuarat, penganjuran program komuniti, dan sebagainya









SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

AHLI SIDANG MUDA 2022

N01 PENAGA

Kogilan Mahendran
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau seorang pelajar sarjana muda dalam bidang pengurusan di *Open University Malaysia*.

Beliau sangat aktif dalam pelbagai aktiviti kebajikan yang memberi sumbangan besar kepada masyarakat. Beliau juga merupakan Ketua Pemuda Pertubuhan Tamilar Kural Malaysia, satu Pertubuhan Hak Asasi Manusia dan juga Timbalan Setiausaha DAPSY Tasek Gelugor.

“Sama-sama kita membawa dan membangkitkan suara anak muda.”

N02 BERTAM

Tan Jia Yi
Ahli Sidang Muda 2022



Seorang anak muda yang inklusif, progresif dan sensitif terhadap masyarakat setempat dan isu di sekelilingnya.

Ingin mengetahui dengan lebih lanjut, sila kenali dia, “tak kenal maka tak cinta.”

N03 PINANG TUNGGAL

Nurul Syamimi Rosli
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan seorang mahasiswa tahun ketiga dalam kursus Sains Kemasyarakatan di Universiti Sains Malaysia dan juga menjawat jawatan sebagai Naib Pengerusi Mahasiswa Keadilan Malaysia. Kata beliau, “Merbekalkan inspirasi dan mencintai Kartini.”

Beliau memilih untuk berada di “ruang” ini untuk bersama-sama menyumbang idea dan pandangan khususnya dalam pembangunan wanita, belia dan kanak-kanak serta dalam isu-isu pendidikan. Memetik kata-kata Kartini, “tubuh boleh terpasung, tapi fikiran dan jiwa harus terbang sebebas-bebasnya”.

Sebagai seorang wanita muda, beliau menggunakan ruang yang disediakan ini untuk berkongsi idea dan pandangan untuk bersama-sama menjadi sebahagian penyumbang dalam membangunkan negeri tercinta demi masa hadapan.

N04 PERMATANG BERANGAN

Yogassvnderi A/P Mahendran
Ahli Sidang Muda 2022



Berasal dari Sungai Dua, Pulau Pinang. Beliau berkhidmat sebagai pegawai tadbir di KADUN N35 Batu Uban.

Selain itu, beliau juga merupakan sebagai Ahli Jawatankuasa MPKK Taman Brown. Beliau juga pernah menyertai program bantuan bakul makanan kepada keluarga B40 dan penyakit COVID-19.

Beliau sentiasa bersedia untuk melibatkan dirinya dalam setiap program dianjurkan oleh KADUN Batu Uban.

N05 SUNGAI DUA

Muhammad Danial Bin Alimin
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kaunseling di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS). Beliau juga merupakan Ahli Sidang Muda untuk tahun 2021 dan terlibat dengan badan bukan kerajaan (NGO) sejak umur 13 tahun.

Beliau juga terlibat dengan beberapa NGO seperti Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Kelab Anak-Anak Pulau Pinang dan beberapa lagi NGO sehingga hari ini dan juga merupakan AJK Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Balik Pulau. Beliau juga terlibat dalam pelbagai misi bantuan di seluruh Malaysia. Pada masa yang sama, beliau turut memberi seminar berkaitan kepimpinan dan motivasi di sekolah-sekolah.

N07 SUNGAI PUYU

Tan Yi Ting
Ahli Sidang Muda 2022



Berasal dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau merupakan pelajar pra-universiti semester akhir di SMJK Jit Sin. Beliau aktif melibatkan diri dalam bidang sukan bukan sahaja atas minat, malah membantu beliau membina keyakinan diri serta daya ketahanan mental yang kuat.

"The highest destiny in life is to serve rather than to rule."
Beliau percaya bahawa semangat untuk berkhidmat adalah elemen paling penting sebagai seorang wakil rakyat.

N08 BAGAN JERMAL

Ng Zhen Feng
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau berumur 17 tahun dan telah menduduki SPM pada bulan Mac tahun ini.

Beliau juga beraksi sebagai EXCO Pelancongan Dan Ekonomi Kreatif dalam Sidang Muda 2021.

Beliau berminat dalam politik negera dan perancangan dasar. Beliau juga mempunyai pengalaman kesukarelaan dalam pelbagai aktiviti.

N09 BAGAN DALAM

Mohamad Aqriel Shazwan
Ahli Sidang Muda 2022



Merupakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Sains Politik), Universiti Sains Malaysia (USM).

Aktif berpartisipasi dalam kampus, beliau juga merupakan salah seorang pemimpin pelajar di USM.

Beliau juga merupakan salah seorang ahli Sidang Muda Pulau Pinang bagi penggal sebelum ini.

Beliau sangat berminat dalam diskusi ilmiah, mengupas isu politik semasa dan debat.

N10 SEBERANG JAYA

Mohamad Firdaus Danial Anuar
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Belia Pulau Pinang bagi KADUN Pulau Tikus. Seorang anak muda yang memperjuangkan suara anak muda dan masyarakat melalui penglibatan NGO termasuk Angkatan Belia Malaysia, Future Leaders School dan Young Democrats Malaysia. Beliau berpendapat bahawa anak muda perlu diberikan platform bagi melontarkan idea yang segar dan baru demi memantapkan pembangunan politik, ekonomi dan sosial khususnya di negeri Pulau Pinang. Platform yang diberikan kepada anak muda tidak kira melalui politik, ekonomi atau sosial itu akan membolehkan anak-anak muda cakna dan peka dengan perubahan persekitaran mereka. Secara langsung, ini dapat membentuk pemimpin masa ini dan masa hadapan.

"Muda itu bukan lagi masa depan, Muda itu adalah masa ini"

N11 PERMATANG PASIR

Iqbal Bin Muhammad Fauzi
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau dilahirkan di *Leicester, United Kingdom*. Sekarang tinggal di Seberang Jaya dan merupakan seorang ahli Parti Amanah Negara, Pemuda Amanah Permatang Pauh dan bekas Juruaudit pada tahun 2019.

Beliau turut membantu kerja-kerja kebajikan bersama YB Faiz Fadzil, ADUN Permatang Pasir serta merupakan Pengerusi JBPP pada tahun 2022/2023 dan berminat dalam melakukan kerja sosial dan kebajikan.

"The youth of today are the leaders tomorrow" - Nelson Mandela

N12 PENANTI

Hong Jia Herh
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan seorang graduan dari Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Kejuruteraan Kimia.

Selain daripada pencapaiannya dalam bidang akademik, beliau juga terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti-aktiviti kesukarelawanan dan usaha pembangunan modal insan belia yang memberi kesan yang positif kepada komuniti dan masa depan negara.

N13 BERAPIT

Ng Tian Liang
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan seorang pelajar yang sedang belajar di Sekolah Menengah Chung Ling Persendirian. Pada masa yang sama, beliau turut bergiat aktif dalam aktiviti pemerkasaan belia dan komuniti.

Beliau juga berkhidmat sebagai Penolong Bendahari GBBM Negeri Pulau Pinang, Setiausaha GBBM Daerah Barat Daya, Setiausaha GBBM Cawangan Balik Pulau, Ahli Jawatankuasa JBBP KADUN Komtar, Ahli Dewan Tertinggi Majlis Belia Negeri Pulau Pinang. Beliau mempunyai minat dalam urusan sivik, aktiviti sosial dan pemerkasaan belia.

N14 MACHANG BUBUK

Alwin Lim
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan graduan *RMIT University, Melbourne* dalam bidang *Economics and Finance*. Selepas tamat pengajian, beliau bekerja sebagai penolong YB Lim Guan Eng dan selepas itu menukar ke bidang industri hartanah. Beliau turut pemenang pingat emas bagi acara *Kickboxing* di Han Chiang pada 2018.

Beliau sekarang berkhidmat sebagai Timbalan Pengerusi DAP cawangan Air Putih dan juga Ahli MPKK Taman Lumba Kuda.

Motto beliau: *"A Good Marketing Skill will lead the Country to its Best!"*

N15 PADANG LALANG

Woon Li Ken
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau mempunyai minat dalam perancangan dan penyelidikan dasar-dasar kerajaan dan turut memberi perhatian kepada isu pembangunan lestari, belia dan sukan, ekonomi, pendidikan dan kebajikan kanak-kanak serta wanita.

N16 PERAI

Ooi Mei Mei
Ahli Sidang Muda 2022



Anak jati Pulau Pinang. Beliau aktif dalam aktiviti pemerkasaan belia dan komuniti. Seorang aktivis muda dan merupakan Setiausaha Agung bagi Biro Pendidikan AMK Malaysia dan NGO Young Democrats Malaysia. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pertubuhan Alumni Sidang Wanita Pulau Pinang dan MPKK Teluk Awak.

"Perubahan tidak akan terjadi jika kita menunggu orang-orang lain atau waktu lain. Kita adalah yang kita tunggu-tunggu. Kita adalah perubahan yang kita carikan." Ini masa untuk anak muda merealisasikan suara anak muda untuk Negeri Pulau Pinang!

Belia Untuk Masa Depan!

N17 BUKIT TENGAH

Ng Mei Pheng
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau sedang melanjutkan Izajah Sarjana Muda dalam Perakaunan dan Kewangan.

Beliau giat menyertai aktivi-aktiviti komuniti secara sukarela baik di dalam mahupun di luar negara. Beliau amat mementingkan isu-isu tentang kebajikan yang diberikan kepada kumpulan terdedah.

N18 BUKIT TAMBUN

Harrith Parhar Bin Amar Pritpal
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau sedang melanjutkan pengajian Diploma in *Business Administration* di *Advance Tertiary College (ATC)*. Beliau juga seorang pengurus ladang penternakan di sebuah kandang di Serdang, Kedah.

Beliau turut aktif dalam aktiviti kesukarelaan di kawasan ADUN Sungai Bakap. Misalnya, menolong mangsa-mangsa banjir di kawasan dan menolong memberi bantuan COVID-19 di seluruh kawasan Sungai Bakap.

N19 JAWI

Kok Boon Chen
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau berasal dari Perai, Seberang Jaya, Pulau Pinang dan merupakan seorang pelajar tahun 2 *Degree in Architecture* di UTAR.

Penglibatan beliau bersama PYDC merangkumi program Sidang Muda dan Sukarelawan Belia Pulau Pinang, khususnya rombongan Misi Bantuan Bencana Banjir ke Pahang.

Beliau berharap bahawa Sidang Muda akan menjadi sebuah platform yang berharga bagi belia untuk mengungkapkan pandangan dan cadangan yang signifikan, sehingga setiap usul atau undang-undang yang dibincangkan dapat memberikan manfaat dan kemakmuran kepada penduduk negeri Pulau Pinang.

N20 SUNGAI BAKAP

Tan Yi Sheng
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan seorang pelajar yang masih melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Terbuka (OUM) khususnya dalam bidang Sarjana Muda Pendidikan Sekolah Rendah (BTPE). Beliau merupakan salah seorang guru tuisyen yang berpengalaman. Beliau berjaya memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua AMK Cabang Nibong Tebal dalam pemilihan parti pada tahun 2022. Beliau turut ditawarkan jawatan sebagai Setiausaha dalam Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP).

Beliau sedia berkhidmat untuk komuniti setempat serta membawa suara rakyat demi masyarakat, generasi muda dan negara tanpa sempadan dengan slogan CAT “Cekap, Akauntabiliti, Telus”.

N21 SUNGAI ACHEH

Tan Kean Tatt
Ahli Sidang Muda 2022



Selaku Pegawai Seranta kepada Ahli Parlimen Bukit Bendera, tugas beliau bukan saja membantu dan mendengar suara rakyat, tetapi merancang untuk meningkatkan taraf kehidupan rakyat setempat.

Selain itu, beliau turut menjawat jawatan sebagai Naib Ketua Pemuda DAPSY Bahagian Bukit Bendera, Setiausaha MPKK Bangkok Lane dan sebagainya. Beliau juga dikurniakan Pingat Jasa Masyarakat (PJM) pada tahun 2022.

N22 TANJONG BUNGA

Muhammad Ibrahim Khalili
Ahli Sidang Muda 2022



Nama diberi, Muhammad Ibrahim Khalili bin Abd Rahim dan berasal dari Kepala Batas, Pulau Pinang. Anak sulung dari 3 orang adik beradik.

Beliau sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang kejuruteraan awam di USM, merupakan AJK Amanah kawasan Kepala Batas dan AJK MPKK Ladang Malakoff. Beliau telah meraih anugerah dekan atas pencapaiannya dalam bidang akademik.

N24 KEBUN BUNGA

Suthasan A/L Paramesvaran
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan seorang pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda dalam Perakaunan dan Kewangan (Kepujian) 3+0 Universiti Staffordshire, United Kingdom di Kolej DISTED. Beliau merupakan Bendahari dalam *Students' Representative Council* (SRC) serta giat aktif dalam kelab dan persatuan. Beliau juga percaya bahawa kepimpinan diri adalah segala-galanya untuk memimpin kecemerlangan peribadi. Beliau berpendapat bahawa Sidang Muda dapat melahirkan generasi muda yang celik politik dan sedar akan peranan serta kewajipan mereka dalam demokrasi.

"It is better to be violent, if there is violence in our hearts, than to put on the cloak of nonviolence to cover impotence"
– Mahatma Gandhi

N25 PULAU TIKUS

Lee Joe Sern
Ahli Sidang Muda 2022



Pelajar semester terakhir di peringkat Tingkatan 6.

Berminat dalam bidang politik, perundangan, falsafah dan ekonomi.

Mengikut beliau, *"Idealisme itu tidak semestinya mampu dicapai. Realisme itu tidak semestinya enak ditelan. Akan tetapi dengan adanya idealisme yang realistik, maka perubahan dapat dicapai."*

N26 PADANG KOTA

Dhurgesswaran Veeran
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan seorang pelajar tahun 2 Sarjana Muda Jurusan Undang-Undang di Universiti Malaya. Aktif dalam aktiviti kepimpinan, dan pemerkasaan belia Pulau Pinang. Turut beraksi sebagai Pengerusi JSAI Self Enhancement Programme 2022, Bendahari KRT Taman Desa Palma, Timbalan Ketua Penasihat *Jit Sin Alumni Intervarsity* dan AJK JBPP KADUN Berapit.

Pengalaman bersidang dan berbahas sebagai Ketua Pembangkang Sidang Muda 2021 telah memberi banyak ruang dan peluang kepada beliau untuk membincangkan isu belia dan terus memastikan suara Belia Pulau Pinang akan terus didengari oleh pihak eksekutif negeri. Beliau teruja dan bersyukur diberikan amanat sebagai Ketua Menteri.

N27 PENGKALAN KOTA

Tan Jian Jinn
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan penerima Sarjana Muda di *Fujian University of Traditional Chinese Medicine*. Pada tahun 2021, beliau dilantik sebagai setiausaha DAPSY Parlimen Nibong Tebal dan turut merupakan seorang ahli Bomba Persatuan Bomba Sukarela Sungai Jawi.

Sidang Muda sememangnya telah membuka pintu kepada beliau untuk memahami lanjut tentang politik dan protokol dalam dewan persidangan yang mulia Ini.

N28 KOMTAR

Brandon Loo Zhe Yu
Ahli Sidang Muda 2022



Tamat pelajaran di SMJK Chung Ling, beliau kini melanjutkan pelajaran di *Advance Tertiary College* dalam bidang perundangan.

Beliau merupakan seorang yang cakna terhadap pelbagai isu yang berlaku di dalam dan di luar negara serta sentiasa melakukan yang terbaik untuk meningkatkan kesedaran politik dalam kalangan belia.

Beliau turut berharap untuk memperkasakan peranan belia dalam pentadbiran negeri serta negara.

N29 DATOK KERAMAT

Nur Mushawwir Hrsikesa
Ahli Sidang Muda 2022



Berasal dari Tasek Gelugor, Pulau Pinang. Beliau merupakan graduan Ijazah Sarjana Sains Perancangan di Universiti Sains Malaysia. Beliau merupakan setiausaha AMK Pulau Pinang 2020-2022.

Beliau berkhidmat sebagai seorang *Programme Executive* di *Think City* yang merupakan sebuah organisasi impak yang fokus terhadap transformasi penempatan dan penduduk yang lebih berdaya huni, berdaya tahan dan lestari.

Beliau bergiat aktif dalam aktiviti sukan seperti Hoki dan badminton. Beliau mempunyai pegalaman serta aktif dalam program-program kesukarelaan semasa pandemik COVID-19.

"Malaysia for Malaysian"

N31 BATU LANCANG

Sharenia A/P Gunasagaran
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau seorang mahasiswi Ijazah Sarjana Muda Sains Pemakanan di UniSZA. Beliau banyak pengalaman dalam penganjuran program kemasyaraktan dan pertandingan.

Beliau juga memegang jawatan sebagai Exco Akademik Dan Antarabangsa Majlis Mahasiswa Kolej Dan Exco Perpaduan Dan Integrasi semasa melanjutkan pendidikan Diploma di UPSI dan Exco Kebajikan bawah Fakulti Sains Kesihatan, UniSZA. Selain itu, beliau juga seorang delegasi UNICEF di *International Model United Nation Virtual Conference 2021* dan *UNEP* di *Asia World Model United Nation Virtual Conference 2021.* Kini beliau merupakan *Campus Leader di Teach for Malaysia 2022* dan juga Setiausaha *Strategic and Partnership* bawah NGO *Youthcare Malaysia*. Beliau juga merupakan Exco Hubungan Luar bawah Kelab Sekretariat Rakan Muda, UniSZA.

N33 AIR ITAM

Ong Choon Keat
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau melanjutkan pelajaran diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekatronik di PSDC. Beliau aktif dan berminat dalam akiviti sosial NGO dan pendidikan. Beliau juga seorang bendahari untuk GBBM cawangan Bukit Bendera.

Beliau juga seorang individu yang suka mencari jalan penyelesaian dan penambahbaikan dalam sesuatu masalah dengan menyertai pelbagai akiviti untuk meningkatkan kemahiran diri dalam pemikiran kritis. Beliau mempunyai keinginan tinggi untuk mempelajari dengan lebih mendalam mengenai dasar-dasar kerajaan.

N34 PAYA TERUBONG

Annsley Dashawna Stephen
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau berasal dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau seorang graduan dari *Management and Science University (*MSU) dalam Sarjana Muda Sains Perubatan dan kini seorang pelajar pascasiswazah di Universiti Malaya dalam bidang yang sama tetapi dalam jurusan Mikrobiologi Perubatan.

Beliau seorang ahli dalam Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Pantai Jerejak bagi sesi 2022/2023 serta ahli NGO *Sanitary Bank Malaysia.*

N36 PANTAI JEREJAK

Mohammad Amirul Irfan
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan anak jati negeri Pulau Pinang, sekarang dalam proses menyiapkan Ijazah dalam bidang Keusahawanan dan Inovasi di di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Eksekutif di UKM.

Selain aktif di fakulti dan kelab, beliau juga terlibat secara aktif bersama NGO di peringkat negeri dan UKM, beliau terlibat bersama 1,200 pelajar UKM yang lain semasa Misi Sukarelawan banjir di Hulu Langat, Selangor selama 2 minggu, walaupun beliau kini berada pada tahun akhir pengajian, beliau sentiasa melibatkan diri dalam mana-mana program yang dianjurkan pihak universiti kerana baginya sejarah besar penubuhan UKM adalah untuk kepentingan Rakyat, daripada "rakyat kembali kepada rakyat".

N37 BATU MAUNG

Abshar Nurasyraf Bin Amram
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan anak jati kelahiran Bukit Mertajam. Mula mendapat pendedahan politik awal sejak berada di bangku sekolah rendah. Beliau telah berkhidmat serta diberikan ruang dan peluang dalam lapangan aktivisme melalui pelbagai platform. Beliau merupakan seorang penuntut dalam jurusan Diploma Pengajian Perniagaan .

Berpengalaman sebagai Ahli Majlis Pimpinan Pusat Mahasiswa Keadilan Malaysia pada tahun 2019-2022, Ketua Penerangan AMK Bukit Mertajam sejak tahun 2019, Pengerusi Biro Belia MPKK Taman Seri Janggus seawal tahun 2021 dan Setiausaha JBPP DUN Machang Bubuk dalam gerak kerja advokasi, kesukarelawanan, pemerkasaan belia, mahasiswa dan komuniti.

“Anak muda harus ke depan menunjangi prinsip dan nilai politik yang manusiawi serta lebih membumi dalam menjadi contoh kepada fenomena politik yang berlaku pada hari ini."

N39 PULAU BETONG

Tan Chee Chong
Ahli Sidang Muda 2022



Graduan dari sekolah vokasional dengan pencapaian SKM Tahap-3 dalam *Computer System Operation*.

Beliau merupakan ahli aktif dalam Bulan Sabit Merah Malaysia dan selaku Ketua Utama Seksyen Pemegang Gangsa dan Perak bagi Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda. Selain daripada Bulan Sabit Merah Malaysia, beliau turut menyertai banyak kelab dan pertubuhan seperti Kelab Belia dan Cergas Permatang Tinggi, Persatuan Belia Perkampungan Permatang Tinggi, MAYC BM dan juga salah seorang Sukarelawan Belia Pulau Pinang PYDC.

N40 BAYAN LEPAS

Dr. Kho Pui Wun
Ahli Sidang Muda 2022



Beliau merupakan graduan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang memegang Ijazah Doktor Falsafah dalam Teknologi Pendidikan.

Beliau aktif dalam aktiviti kesukarelawanan, terutamanya melibatkan kanak-kanak kurang kemampuan. Beliau memberi tuisyen percuma di rumah kebajikan anak yatim piatu ketika belajar di UTM dan pernah menyertai program menziarahi dan membantu anak yatim AIDS di Kemboja.

Beliau sekarang merupakan setiausaha bagi Persatuan Nilai-nilai Murni untuk Keamanan Sejagat (PNM) dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) Pantai Jerejak.

SIDANG MUDA
PULAU PINANG

Pengenalan Ahli Sidang Muda adalah tepat pada tahun tersebut.


SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

03

PROSES DAN PERJALANAN SIDANG MUDA 2023



SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023



Bengkel Demokrat Muda 1.0
13 - 14 Ogos 2022



Bengkel Persediaan Persidangan Sidang Muda
26 Januari, 09 & 25 Februari 2023



Persidangan Sidang Muda 2022/23
11 Mac 2023

GARIS MASA SIDANG MUDA 2023



Bengkel Demokrat Muda 2.0
10 - 11 September 2022



Lawatan ke Parlimen dan Agensi Kerajaan Selangor
27 - 28 Februari 2023



Projek Penempatan Ahli Sidang Muda
01 Mei - 28 June 2023

BENGKEL DEMOKRAT MUDA 1.0

13 - 14 Ogos 2022
SENTRAL College Pulau Pinang

Bengkel Demokrat Muda untuk sesi Sidang Muda 2023 yang pertama telah berlangsung pada 13 & 14 Ogos 2022 bertempat di SENTRAL College Pulau Pinang. Bengkel ini telah dijalankan selama dua hari secara bersemuka dan dihadiri oleh 23 orang belia.

Modul untuk bengkel tahun ini telah diperbaharui dengan kandungan baharu.

Demokrasi dan Politik

Bengkel telah dimulakan dengan perbincangan dan menerokai perkembangan demokrasi serta perbincangan isu-isu politik melalui pelbagai senario yang disampaikan oleh Pensyarah Sains Politik USM, Dr Azmil Tayeb.

Pembuatan Dasar Awam


Apa itu *Policy Cycle*?
Dr Razlini Mohd Ramli, Pensyarah Sains Politik, USM telah memberi penjelasan tentang proses dan mekanisme pembentukan dasar secara teori dan realiti.

Penyertaan Awam

Sesi ini membincangkan pelbagai jenis demokrasi dan kaedah penyertaan rakyat dalam proses pendemokrasian dan politik.
Peserta turut berperanan sebagai kumpulan yang berbeza untuk mengkaji tahap dan kaedah penyertaan oleh pihak berkepentingan seperti kerajaan, media, rakyat dan lain-lain.

Topik ini telah dikendalikan oleh Dr Woo Kuan Heong, juga merupakan seorang Pensyarah Sains Politik di USM.







> *"Democracy is more than just voting."*
> *– Dr Azmil Tayeb*







Sesi Perkongsian
oleh Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang

Umur 18 sudah boleh undi.
Dengan pelaksanaan Undi18 dan pendaftaran pemilih secara automatik, pendidikan serta pendedahan kepada golongan belia perlu seiring dengan implementasi dasar baharu tersebut. Pejabat Pilihan Raya Pulau Pinang telah memberi satu taklimat tentang pengenalan mengenai sistem demokrasi dan pilihan raya di Malaysia, para peserta turut diberi pendedahan tentang proses pengundian dengan simulasi yang telah dijalankan.

Sesi Bersama Pemimpin
oleh YB Sanisvara Nethaji Rayer

Apa Ahli Parlimen buat?
Apa pula peranan Ahli Dewan Undangan Negeri?
Untuk sesi ini, YB Sanisvara Nethaji Rayer, Ahli Parlimen Jelutong, telah dijemput untuk menghadiri Sesi Bersama Pemimpin. Beliau telah membincangkan dan berkongsi banyak isu yang berkaitan dengan persoalan yang ditujukan oleh peserta.

Sesi Perkongsian Media
oleh Ang Tong Kai

Media dikenali sebagai tiang keempat (*Fourth Pillar*) demokrasi kerana ia memainkan peranan penting dalam menjaga demokrasi. Sesi ini telah menjemput Encik Ang Tong Kai untuk berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang petugas media dan juga membincangkan situasi politik dari perspektif seorang petugas media.

Sesi Simulasi Sidang

Untuk mengaplikasikan input dari sesi sebelum ini, satu sesi Simulasi Sidang telah diadakan pada hari kedua. Ini memberikan peluang kepada peserta untuk menimba pengalaman dan didedahkan dengan proses membuat keputusan melalui mekanisme legislatif seperti Dewan Undangan Negeri.

Encik Lee Wei Seang (Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Pulau Pinang) telah hadir dan beraksi sebagai Speaker Simulasi tersebut. Para peserta telah membahaskan tentang satu usul yang khusus, iaitu "*Usul menyokong penyediaan laluan khas bagi kenderaan awam (bas) di laluan-laluan utama di sekitar Pulau Pinang.*".

BENGKEL DEMOKRAT MUDA 2.0

10 - 11 September 2022
SENTRAL College Pulau Pinang

Bengkel Demokrat Muda kedua telah berlangsung pada 10 & 11 September 2022 bertempat di SENTRAL College Pulau Pinang. Bengkel ini telah dijalankan selama dua hari secara bersemuka dan dihadiri oleh 27 orang belia.

Demokrasi dan Politik & Pembuatan Dasar Awam

Dr Francis Loh telah merumuskan sesi beliau dengan kenyataan tersebut. Beliau telah memberi gambaran atas perkembangan Pergerakan Belia ataupun "*Youth Movements*" yang mencabar cara lama dan membawa pembaharuan dan kemajuan kepada masyarakat di sejarah dunia.

Penyertaan Awam

Sesi ini membincangkan pelbagai jenis demokrasi dan kaedah penyertaan rakyat dalam proses demokrasi dan politik.

Peserta turut beraksi dalam kumpulan-kumpulan berbeza untuk mengkaji tahap dan kaedah penyertaan awam oleh pihak berkepentingan seperti kerajaan, media, rakyat dan lain-lain.

Diskusi ini telah dikendalikan oleh Dr Nur Ajrun Khalid, yang juga merupakan seorang Pensyarah Sains Politik di USM.



> *"We the citizens must play our part by being active and vigilant at all times to ensure good governance."*
> *– Dr Francis Loh*















> *"Utilise the power of social media to voice out and get heard!"*
> *– YB Syerleena*

Sesi Bersama Pemimpin
oleh YB Syerleena Abdul Rashid

"*Utilise the power of social media to voice out and get heard!*"
Pada sesi ini, YB Syerleena Abdul Rashid, ADUN Seri Delima, telah dijemput untuk berkongsi pengalaman beliau sebagai wakil rakyat dan juga seorang aktivis sosial. Beliau sangat menekankan kepentingan penyertaan rakyat dari pelbagai segi terutamanya dengan teknologi dan media massa.

Sesi Perkongsian Media
oleh Imran Hilmy

Media dikenali sebagai tiang keempat (*Fourth Pillar*) demokrasi kerana ia memainkan peranan penting dalam menjaga kebebasan informasi dalam demokrasi. Sesi ini telah menjemput Encik Imran Hilmy untuk berkongsi pengalaman beliau sebagai seorang bekas pegawai khas EXCO dan seorang petugas media serta analisis beliau terhadap situasi politik dari perspektif seorang petugas media.

Sesi Simulasi Sidang

Untuk mengaplikasikan input daripada sesi sebelum ini, satu Sesi Simulasi Sidang telah diadakan pada hari kedua. Ini memberikan peluang kepada peserta untuk menimba pengalaman dan didedahkan dengan proses perbahasan tentang satu usul dan simulasi kali ini telah pun memasukkan pihak NGO untuk menjadikan sebagai perbincangan tiga pihak.
Para peserta telah membahaskan tentang satu usul, iaitu *"Usul ini menyokong penyediaan laluan khas bagi kenderaan awam (bas) di laluan-laluan utama di sekitar Pulau Pinang."*.

BENGKEL PERSEDIAAN PERSIDANGAN SIDANG MUDA

26 Januari, 09 & 25 Februari 2023

Bengkel Persediaan Sidang Muda telah diadakan untuk melengkapkan Ahli Sidang Muda untuk sedia beraksi di Persidangan Sidang Muda.

Ahli Sidang Muda telah dipilih melalui penilaian berdasarkan aspek seperti kedinamikan kumpulan, pemahaman, pembentangan, kandungan, serta penglibatan sepanjang bengkel. Persidangan kali ini turut buka kepada pencalonan dari institusi pendidikan tinggi dan pertubuhan belia. Sebanyak 40 orang Ahli Sidang Muda telah dipilih.

Bengkel Persediaan kali ini telah dibahagikan kepada 3 sesi pada hari yang berlainan.

Sesi	Bengkel Persediaan
1	**Bengkel Persediaan 1.0** **26 Januari 2023**
2	**Bengkel Persediaan 2.0** **09 Februari 2023**
3	**Bengkel Persediaan 3.0** **25 Februari 2023**



Bengkel Persediaan Persidangan Sidang Muda 1.0

26 Januari 2023
Zoom Meeting

Bengkel Persediaan 1.0 telah memberi pengenalan atas mekanisme Persidangan Sidang Muda.

Bengkel Persediaan Persidangan Sidang Muda 2.0


09 Februari 2023
Zoom Meeting


Bengkel Persediaan 2.0 dijalankan secara maya dan telah menjemput Dato' Dr Ooi Kee Beng, Pengarah Eksekutif Penang Institute, untuk berkongsi mengenai topik "*Between Adaptive Leadership and Bureaucratic Management*".

> *"No such thing as slow change in such a rapid world."*
> *– Dato' Dr Ooi Kee Beng*









Bengkel Persediaan Persidangan Sidang Muda 3.0

25 Feb 2023
Penang Youth Space

Bengkel Persediaan 3.0 menekankan peranan wakil rakyat serta proses simulasi persidangan. Bengkel ini telah diadakan secara bersemuka di *Penang Youth Space*.

Sesi Perkongsian Wakil Rakyat

YB Satees A/L Muniady (ADUN Bagan Dalam) telah memulakan bengkel tersebut dengan perkongsian beliau mengenai peranan sebagai seorang penggubal undang-undang di Dewan Undangan Negeri dan wakil rakyat di komuniti.

Beliau juga berkongsi pengalaman perbezaan antara Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Majlis yang sentiasa mengelirukan rakyat.

Simulasi Persidangan Sidang Muda

Sepanjang sesi simulasi ini, Ahli Sidang Muda akan memainkan peranan masing-masing sebagai EXCO, *backbencher* atau pembangkang untuk membiasakan diri dengan proses persidangan. YB Heng Lee Lee, ADUN Berapit, turut hadir untuk beraksi sebagai Speaker untuk Simulasi Sidang Muda bagi memberikan pendedahan dan bimbingan kepada peserta mengenai perkara-perkara yang bakal berlaku sepanjang persidangan.

LAWATAN KE PARLIMEN & SELANGOR OLEH DELEGASI SIDANG MUDA

27 - 28 Februari 2023

Satu lawatan telah diadakan khas untuk delegasi Sidang Muda ke Parlimen Malaysia dan agensi Kerajaan Negeri Selangor untuk memberikan pendedahan langsung tentang bagaimana badan perundangan tertinggi di peringkat negara ini berfungsi serta peranan agensi pelaksanaan dasar di peringkat negeri.

Pengalaman ini telah memberikan inspirasi kepada delegasi-delegasi untuk turut melibatkan diri dalam proses politik dan memainkan peranan penting sebagai rakyat yang bertanggungjawab dan berwibawa.



Lawatan ke Parlimen Malaysia

Delegasi Sidang Muda berpeluang untuk mengunjungi Parlimen Malaysia semasa persidangan Dewan Rakyat sedang dijalankan. Parlimen Malaysia merupakan badan yang memainkan peranan yang penting dari aspek pengubalan undang-undang di negara ini yang bertujuan untuk memelihara keadilan, kesaksamaan, dan kemakmuran melalui polisi yang diluluskan. Para Delegasi SIdang Muda dapat menyaksikan bagaimana ahli politik mewakili kepentingan pengundi dan isu kawasan mereka di Dewan Rakyat.

Delegasi Sidang Muda turut berpeluang untuk berjumpa dengan beberapa wakil rakyat di dalam Parlimen.

Agensi yang Terlibat

1. Parlimen Malaysia
2. KDEB Waste Management
3. Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
4. Tourism Selangor
5. Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (Sidec)
6. Menteri Besar Selangor Incorporate




Lawatan ke KDEB Waste Management

Delegasi Sidang Muda telah berkunjung ke KDEB Waste Management pada hari kedua. Satu sesi perkongsian yang sangat bernas dengan pelbagai nasihat dan fakta mengenai pengurusan sisa khususnya di Selangor telah diadakan.

Kami diberi peluang untuk melawat *Centralised Command Centre* (CCC), di mana kami menyaksikan pelaksanaan IR4.0 melalui sistem penjejakan kenderaan pada setiap trak pemampat sampah di bawah inisiatif Smart Selangor. Dato' Hj Ramli juga menekankan bahawa pengurusan sisa adalah usaha kolektif dan menggalakkan kami untuk bekerjasama mencapai matlamat ini demi masa depan yang lebih baik.







Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan Selangor

Pada petang hari lawatan yang kedua, satu sesi dialog telah diadakan antara PYDC bersama empat agensi Kerajaan Selangor iaitu Selangor Information Technology dan Digital Economy Corporation (Sidec), Menteri Besar Selangor Incorporated, Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS) dan Tourism Selangor.

Dialog ini telah diadakan di *Sandbox Selangor* yang baru dijenama semula pada awal tahun 2023. Banyak input dan perspektif yang berbeza dikongsi oleh agensi-agensi Selangor mengenai bagaimana dasar-dasar berfungsi di negeri Selangor. Sepanjang sesi tersebut, Delegasi Sidang Muda telah memperdalam pemahaman tentang bagaimana agensi-agensi kerajaan beroperasi dan melaksanakan dasar-dasar yang memberi impak langsung kepada Rakyat, dengan menghubungkannya kepada dasar-dasar kerajaan.

> *"Small doesn't mean we are not big."*
> *– Dato' Hj Ramli Mohd Tahir*

PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2023

11 Mac 2023

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Persidangan Sidang Muda 2023 turut mencerminkan perjalanan persidangan serupa dengan persidangan DUN yang sebenar supaya para Ahli Sidang Muda mampu mengalami proses pembuatan keputusan di peringkat Negeri dengan lebih tepat dan realistik.

Persidangan Sidang Muda tahun ini telah dibahagikan kepada 3 sesi, iaitu Sesi Perbahasan, Sesi Penggulungan dan Sesi Perbahasan Usul. YB. Dato' Law Choo Kiang dan YB. Dato' Dr. Amar Pritpal pula mengpengerusikan persidangan tersebut.

YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang untuk penggal tersebut turut hadir untuk majlis penutupan persidangan dengan kehadiran seramai 40 Ahli Sidang Muda, yang terdiri daripada 11 orang EXCO, 7 pembangkang dan 22 *backbencher*.



Objektif

a Memberi pendedahan mengenai nilai sivik yang meliputi kenegaraan, kewarganegaraan (citizenship) dan pemerkasaan komuniti (community empowerment);

b Memupuk peserta dengan nilai pemikiran kritis, menyelesaikan masalah dan kepimpinan;

c Melengkapkan anggota komuniti dengan kemampuan mengenal pasti, menganalisa dan mencadangkan penyelesaian masalah atau isu di peringkat komuniti;

d Meningkatkan kerjasama dan persefahaman antara komuniti dengan agensi kerajaan yang berkaitan baik di peringkat kerajaan tempatan atau kerajaan negeri.



PERSIDANGAN SIDANG MUDA 2023

11 Mac 2023

Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Perutusan Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Persidangan didahului dengan bacaan doa dan seterusnya secara rasminya dibuka tirai oleh YB Dato' Law Choo Kiang, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

YB Dato' Law Choo Kiang melontarkan satu persoalan kepada semua Ahli Sidang Muda pada permulaannya, "Mengapa kamu menyertai Sidang Muda kali ini?". Beliau ingin menekankan dan mengingatkan semula tujuan semua untuk menyertai Sidang Muda.

Walaupun tujuan penyertaan semua berbeza, tetapi ini merupakan satu proses pembelajaran dan peluang keemasan bagi semua Ahli Sidang Muda.







Sesi Perbahasan

Persidangan dibuka tirai dengan Sesi Perbahasan.

Setiap ahli *backbencher* dan pembangkang telah diberi keutamaan untuk bermula dengan membangkitkan persoalan dan isu yang ambil berat oleh mereka. Setiap orang telah diberi masa sebanyak 3 - 5 minit untuk ucapan mereka.

Kandungan persoalan perlulah selaras dengan bidang kuasa Kerajaan Negeri supaya perkara tersebut boleh dibahas lanjut dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Setiap isu dan persoalan yang telah dibangkitkan akan dijawab oleh barisan EXCO Sidang Muda di Sesi Penggulungan.

Sesi Penggulungan

Selepas Sesi Perbahasan, barisan EXCO Sidang Muda perlulah memberi balasan kepada setiap soalan yang telah dibangkit berdasarkan portfolio masing-masing.

Untuk Sidang Muda pada tahun ini, barisan EXCO Sidang Muda diberi peluang untuk membincang isu-isu yang diterima bersama pejabat EXCO untuk mendapatkan fakta dan statistik untuk menyokong kandungan untuk sesi penggulungan beliau.

Sesi Perbahasan Usul

Selesai sahaja Sesi Penggulungan, persidangan diteruskan dengan Sesi Perbahasan Usul. Sesi Perbahasan Usul adalah sesi untuk Ahli Sidang Muda mengemukakan cadangan mereka kepada dewan untuk membahas dan mendapatkan sokongan majoriti.

Sesi ini amat dinanti-nantikan oleh Ahli Sidang Muda disebabkan mereka berpeluang melontarkan cadangan dan persoalan atas usul yang bakal dibahas.

Cadangan usul oleh Ahli Sidang Muda telah dikemukakan kepada Speaker Dewan Undangan Negeri untuk penentuan usul yang akan dibahas. Akhirnya, terdapat 2 usul telah dipilih oleh beliau untuk Sesi Perbahasan Usul.

Demi ke arah negeri yang pintar dan digitalisasi, Ahli Sidang Muda kawasan Sungai Acheh, saudara Nicholas Tan Check Foong, telah mencadangkan satu usul yang berbunyi "*Dewan ini Mencadangkan Pindaan Enakmen Pendigitalan Perkhidmatan Awam*". Beliau mencadangkan agenda pendigitalan ini mampu direalisasikan dengan pembentukan satu Task Force sebagai Unit Pelaksanaan. Usul ini merupakan satu susulan cadangan atas rangka *Digital Transformation Master Plan* (DTMP) yang telah dilancarkan pada tahun 2021 serta selaras dengan Visi Penang2030 yang beraspirasi untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah bandar antarabangsa pintar dan digital menjelang 2030.

"*Dewan ini Mencadangkan Enakmen Peruntukan Saksama Ahli Dewan Undangan Negeri*" adalah usul yang telah dibangkitkan oleh Ahli Sidang Muda kawasan Bukit Tambun, saudara Tang Yi Ze. Beliau memberi fokus terhadap polisi peruntukan sama rata perlu dimaktub dalam perlembagaan negeri dengan alasan untuk menjaminkan rakyat Pulau Pinang tidak didiskriminasi oleh sebab perbezaan ideologi politik dan hak asasi Rakyat perlu dijamin.

Kedua-dua usul yang telah dibahas telah menerima sokongan mejoriti. Semua cadangan usul serta teks ucapan telah dikumpulkan dan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan sebagai cadangan dan rujukan lanjut.

Majlis Penutupan

"*Persidangan Sidang Muda akan ditangguhkan sehingga satu tarikh yang akan ditetapkan kelak.*".

Persidangan sampai ke penghujungnya selepas selesai ketiga-tiga sesi tersebut. Majlis penutupan telah dihadiri oleh YB Soon Lip Chee, EXCO Belia dan Sukan untuk penggal tersebut dan Dr Gwee Sai Ling, Pengurus Besar PYDC.





PROJEK PENEMPATAN AHLI SIDANG MUDA

01 Mei - 28 Jun 2023

Projek Penempatan Ahli Sidang Muda telah berlangsung sepanjang 2 bulan dari 1 Mei 2023 sehingga 28 Jun 2023. Seramai 5 Ahli Sidang Muda dan 4 Pusat Khidmat telah mengambil bahagian dalam projek tersebut.

Tujuan projek ini adalah untuk meneruskan usaha program Sidang Muda untuk memberi pendedahan kepada golongan belia mengenai proses demokrasi di Malaysia serta meningkatkan penyertaan sosial belia. Mekanisme untuk projek penempatan telah diperbaharui berdasarkan maklum balas oleh Projek Penempatan Ahli Sidang Muda yang sebelum ini diadakan.

Para Ahli Sidang Muda telah melibatkan diri melalui pelbagai kaedah bersama Pusat Khidmat untuk menyempurnakan Projek Penempatan. Penglibatan Ahli Sidang Muda dalam Projek Penempatan merangkumi pengurusan aduan, aktiviti turun padang, penulisan kenyataan media dan ucapan, menghadiri mesyuarat, penganjuran program komuniti dan sebagainya.









SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023

AHLI SIDANG MUDA 2023

N01 PENAGA

Benteny Ooi Si Quan
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau menyambung pelajaran dalam program Asasi Undang-undang di MMU Melaka.

Beliau juga aktif dalam Angkatan Belia MFLS Cawangan Pulau Pinang (ABMPP) sebagai Exco Latihan & Kepimpinan.

Menarik lagi, beliau juga antara pelajar Pulau Pinang yang telah dipilih untuk menyertai *Malaysian Future Leader School Tier 3* Kebangsaan di Kuala Lumpur.

N03 PINANG TUNGGAL

Shameera Nasreen Binti Ahamed Noordeen
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau melanjutkan pendidikan dalam Ijazah Sarjana Muda (Sains Gunaan) Sains Sumber Asli dengan Kepujian di Universiti Malaysia Kelantan. Beliau bergiat aktif dan berpengalaman dalam pertubuhan, kelab mahupun aktiviti kesukarelawanan.

Beliau telah mendapat pencapaian-pencapaian yang cemerlang seperti *Top 10 Asia Young Talent Award (MonStar Awards) 2022*, *Top 100 Asia Young Talent Award (MonStar Awards) 2022*, *Youth SDG Agent Batu Kawan Parliamentary 2022-2023*, Perwakilan Sidang Wanita Pulau Pinang 2021, Majlis Perwakilan Pelajar UMK Sidang 2020/2021 dan Anugerah Tokoh Siswa UMK 2021.

N04 PERMATANG BERANGAN

Ikhwan Bin Zulkefli
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau seorang anak Perai, Pulau Pinang, lepasan Diploma Perkaunan di Universiti Malaya, dan kini melanjutkan pengajian di Universiti Utara Malaysia dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Sains Ekonomi.

Pada zaman Diploma, beliau berkhidmat sebagai ketua pelajar untuk pelajar Diploma Perakaunan. Di peringkat Ijazah Sarjana Muda, beliau dipilih sebagai Presiden Jawatankuasa Pembangunan dan Kepimpinan Siswa di Inapan Siswa.

Beliau juga terpilih sebagai ahli mesyuarat Bencana COVID-19 di UUM untuk merancang peraturan dan polisi sewaktu situasi COVID di UUM serta Ahli Parlimen Kluster Inapan Siswa dalam Dewan Parlimen Mahasiswa UUM yang bertanggungjawab membawa perubahan positif di dalam UUM dari sudut mahasiswa.

N05 SUNGAI DUA

Iman Khaleelah Binti Mohamad Hamdan
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan seorang mahasiswa di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dalam bidang Kimia Analisis Forensik selepas tamat pengajian di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang.

Pada tahun 2021, beliau telah terpilih untuk menjadi peserta bagi program kepimpinan yang dikenali sebagai *Malaysia Future Leader School* (MFLS).

Pada tahun 2022, beliau diberikan amanah untuk memegang jawatan TImbalan Pengerusi bagi Angkatan Belia *Malaysia Future Leader School* (MFLS) Pulau Pinang.

N07 SUNGAI PUYU

Darien Chong Bin Adham Chong
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau seorang mahasiswa Ijazah Sarjana Muda di Fakulti Perniagaan dan Ekonomi di UM dan juga merupakan ahli Angkatan Belia MFLS bagi Negeri Pulau Pinang.

Pada tahun 2019 dan 2020, beliau berkhidmat sebagai Pengerusi bagi Kumpulan Pengakap George Town (Selatan) Pertama. Kini, beliau merupakan sekretariat bagi Kesatuan Mahasiswa UM FPEi, dan juga memegang jawatan sebagai Ketua Biro Aktiviti dan Pengisian bagi projek UM Smart Tutor di bawah Sekretariat Sukarelawan UM.

N08 BAGAN JERMAL

Nor Osama Haikal Bin Abd Wahab
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau telah mendapat pendidikan awal di SK Wellesley sebelum melanjutkan pelajaran ke Maktab Rendah Sains Mara Pendang. Beliau telah banyak menceburi bidang sukan seperti Taekwondo, Bola Sepak dan Ragbi. Beliau pernah memenangi pingat emas dalam Taekwondo MRSM satu Malaysia pada tahun 2019.

Beliau juga giat menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh PYDC seperti Sukarelawan Belia Pulau Pinang dalam perkhidmatan komuniti.

Kini, beliau telah melanjutkan pelajaran dalam *Foundation in Life Science* dan meneruskan pelajaran beliau dalam *Bachelor in Accounting and Finance* di Universiti Malaysia Sarawak.

N09 BAGAN DALAM

Jegathesan A/L Supramaniam
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan anak jati Pulau Pinang yang kini melanjutkan Ijazah Sarjana Muda dalam kursus Sains Kemasyarakatan pengkhususan dalam bidang Sains Politik di USM.

Beliau juga merupakan Ketua Penerangan AMK Cabang Bukit Gelugor serta seorang AJK di Majlis Belia India Cawangan Macallum yang beroperasi untuk memperkasakan pendidikan dan kedudukan sosio-ekonomi belia India di sekitar kawasan Macallum.

Beliau amat aktif dalam melibatkan diri sebagai kesukarelawan dalam aktiviti-aktiviti Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Taman Brown untuk perancangan dan pelaksanaan program di kampung di samping menggerakkan penglibatan komuniti setempat.

N10 SEBERANG JAYA

Jonathan Ong Joe Shin
Ahli Sidang Muda 2023



Berasal dari Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau amat berminat dalam bidang politik dan hal ehwal ekonomi dan kewangan. Beliau kini melanjutkan pelajaran dalam Diploma Kewangan dan Pelaburan di TARUMT.

Beliau merupakan seorang ahli Parti Tindakan Demokratik (DAP). Beliau peka terhadap kebajikan dan mengikut rapat perkembangan politik negara. Beliau kini menyumbang tenaga dan idea, serta berkhidmat di Pusat Khidmat KADUN Sungai Pinang.

N11 PERMATANG PASIR

Mohamad Nor Syazwan Bin Zawawi
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Sains Kemasyarakatan. Beliau juga seorang alumni Kolej Matrikulasi Pulau Pinang dalam bidang Sains Komputer.

Di peringkat pendidikan tinggi, beliau aktif dalam pelbagai persatuan termasuk sebagai Ketua Penerangan dalam NGO Angkatan Belia *Malaysia Future Leader School (*MFLS) Cawangan Pulau Pinang, Exco Biro Sukan dan Rekreasi untuk Majlis Penghuni Desasiswa Restu (MPDR), dan Exco Keusahawanan dan Penajaan dalam Gabungan Anak Pulau Pinang (GAPP) di USM.

Menariknya, beliau juga banyak berkolaborasi dalam program bersama PYDC.

N12 PENANTI

Muhammad Irfan Bin Ahmad Shukri
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan mahasiswa yang sedang menuntut di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan.

Beliau kini berjinak dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh persatuan-persatuan belia dan pertubuhan kebajikan untuk mengasah bakat pengurusan dan kepimpinan sejak 2 tahun yang lepas.

N14 MACHANG BUBUK

Dennis Tan Guo An
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau ialah seorang pemimpin muda dalam pertubuhan-pertubuhan belia di Pulau Pinang. Beliau telah dianugerahkan pelbagai pencapaian seperti Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang 2022 Tempat Ketiga dalam Kategori Individu Belia Lelaki, *Young Excellence Award - University Leadership Award* dan banyak lagi.

Beliau sudah menamatkan Ijazah Sarjana Muda Perniagaan (Kepujian) Perakaunan dan Kewangan di TARUMT. Beliau telah bekerja sebagai seorang akauntan dalam sebuah syarikat antarabangsa.
Beliau juga dilantik sebagai Bendahari Majlis Belia Negeri Pulau Pinang, Timbalan Yang di Pertua Majlis Belia Daerah Timur Laut, Pengesuri Pergerakan Pemuda Malaysia Dearah Timur Laut, dan Ahli MPKK Bangkok Lane.

N15 PADANG LALANG

Brandon Ooi Chong Xue
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan seorang jurutera sokongan teknikal dan merupakan graduan *University of Sunderland*.

Beliau merupakan seorang Ahli Pertahanan Awam sejak tahun 2018 dan turut menyertai MBPP pada tahun 2022.

Pada tahun 2021, beliau mula menyertai DAP Pusat Perkhidmatan Medan Angsana.

N16 PERAI

Sharran A/L Loganadzan
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan guru muda di SJKT Pasir Gudang yang telah tamat pengajian Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan Kepujian Kelas Pertama Pengkhususan Sejarah di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Darulaman (IPGKDA).

Beliau merupakan seorang pendebat bahasa Melayu tersohor di negara. Beliau pernah berkhidmat sebagai Felo Pemikir dan Felo Penyelidik bersama ASEAN Foundation, IYRES Malaysia dan Penang Institute untuk beberapa kajian dasar berimpak tinggi. Sumbangan dan penglibatan beliau juga diiktiraf sehingga dinobatkan sebagai Naib Johan, Anugerah Perdana Belia Negara (Lelaki) peringkat Pulau Pinang 2022 dan Pemegang Emas untuk anugerah *The Duke of Edinburg`s International Award*.

Anak jati Pulau Pinang ini menjadi inspirasi belia Malaysia hatta sering diundang sebagai panel penceramah di universiti, sekolah (kem kepimpinan) dan sebagai panel juri pertandingan debat.

N17 BUKIT TENGAH

Muhammad Syafiq Bin Norzizan
Ahli Sidang Muda 2023



Graduan Kejuruteraan Marin kini menjadi seorang usahawan muda yang berjaya. Dengan keazaman dan dedikasi dalam dunia perniagaan, beliau telah berjaya membuka peluang pekerjaan kepada golongan belia di Pulau Pinang, terutamanya semasa pandemik yang melanda.

Kini beliau aktif dengan aktiviti kesukarelawan dan kemasyarakatan serta turut menyertai Misi Banjir Terengganu dan program *Kami Ada*, yang bertujuan untuk menyantuni individu kurang bernasib baik di sekitar negeri.

N18 BUKIT TAMBUN

Tang Yi Ze
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau adalah seorang pelajar yang sedang belajar di Kolej Matrikulasi Pulau Pinang yang tertarik pada isu-isu semasa, khususnya isu politik. Beliau pernah memegang jawatan Naib Pengerusi dalam Chung Ling St. John Ambulance dan Naib Pengerusi dalam Kelab JCI Chung Ling.

Beliau juga terlibat dalam aktiviti "*Democracy Apprentices*" yang diselenggarakan oleh UNDI18 dan beliau telah menjalankan dua bengkel yang membahas tentang demokrasi untuk kesedaran generasi muda tentang pentingnya praktik demokrasi di negara kita.

N19 JAWI

Koay Zhan Er
Ahli Sidang Muda 2023



"Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri!"

Beliau seorang mahasiswa di *INTI College Penang* dalam kursus *American Degree Transfer Program* dan mempunyai cita-cita untuk melanjutkan pelajaran di luar negara pada masa hadapan agar dapat meluaskan pemikiran dan kembali menyumbang kepada masyarakat dan tanah air yang tercinta.

Beliau juga menjawat jawatan sebagai seorang bendahari untuk INTIMA yang merupakan sebuah persatuan kerajaan dalam kampus di samping bergiat aktif juga dalam beberapa persatuan lain sebagai bukti komitmen beliau dalam usaha untuk pelajar dan komuniti.

N20 SUNGAI BAKAP

Muhammad Hafiz Ziqri bin Mohd Suhaimi
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan penerima Anugerah Tokoh Kurikulum dan cemerlang dalam tujuh subjek utama pada tahun 2022. Pada tahun 2022, beliau berjaya mara ke Putrajaya bagi Kem Kewangan Fun(d) For Life 2022 Peringkat Akhir.

Di samping itu, beliau juga merupakan seorang atlet dan banyak aktif dalam pelbagai jenis sukan seperti memanah, bola sepak, kriket dan bola baling. Seorang yang tegas dalam kehidupan dengan prinsip tersendiri serta memiliki jati diri yang kukuh walau di mana beliau berada. Agama menjadi pedoman beliau dalam apa jua urusan kehidupan.

N21 SUNGAI ACHEH

Nicholas Tan Check Foong
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau ialah seorang profesional muda yang kini berkhidmat sebagai Pengurus Pelaburan Digital dan Insentif Nasional di *Malaysia Digital Economy Corporation* (MDEC). Beliau mempunyai pengalaman profesional yang luas dalam sektor awam, swasta dan NGO.

Beliau memulakan kerjaya profesionalnya di Deloitte, KPMG dan Ambank Malaysia. Pada tahun 2018, beliau telah dipilih sebagai Felo Perdana kepada Menteri Kabinet Kerajaan Malaysia Belia dan Sukan.

Beliau juga Setiausaha Agung Kebangsaan *Junior Chamber International (JCI) Malaysia* dan beliau pernah menjadi Presiden JCI Kuala Lumpur pada 2019 dan berkhidmat di *JCI Asia Pacific Development Council* pada 2021-2022 untuk mempromosikan gerakan kepimpinan JCI di negara-negara Asia Pasifik seperti Thailand, Vietnam dan Laos.

N22 TANJONG BUNGA

Neoh Jia Yuan
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan anak jati kelahiran Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Beliau merupakan pelajar pra-universiti semester tiga di SMJK Jit Sin. Beliau amat aktif dalam Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan merupakan pemegang perak dan gangsa dalam Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda.

Beliau juga merupakan seorang kesukarelawan yang aktif dalam pelbagai program. Beliau sedia berkhidmat kepada rakyat dan berjanji akan memastikan kepentingan dan kebajikan rakyat Pulau Pinang akan terjaga.

N23 AIR PUTIH

Jerome Khou
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan Pengerusi Persatuan Pendidik Lestari Hijau Pulau Pinang sejak tahun 2021. Beliau berpendidikan di Institut Pendidikan Guru Temenggong Ibrahim Johor Bahru bagi Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Matematik Sekolah Rendah.

Kini beliau sedang melanjutkan pelajaran Ijazah Sarjana dalam Pengurusan dan Pentadbiran dalam Pendidikan di USM. Beliau juga merupakan seorang guru akademik di SJKC Union Pulau Pinang.

Beliau aktif dalam pendidikan pembangunan lestari (ESD) sejak tahun 2015 dan pernah dianugerahkan *Eco-Green Mentor Award* (2017 & 2018) dan *Proboscis Award of Charismatic* (2020) oleh WWF-Malaysia. Beliau juga dianugerahkan Guru Cemerlang Kokurikulum (2022) oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang.

N24 KEBUN BUNGA

Muhammad Aidid Bin Muhammad Adam Panarselam
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan serorang lepasan Diploma dan sekarang berkhidmat sebagai seorang kerani di sebuah pejabat peguam.

Beliau juga banyak menyertai dan melibatkan diri dalam program yang dianjurkan oleh PYDC.

N25 PULAU TIKUS

Sanglisha a/p Kunasekaran
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan seorang Pensyarah dan Admin Sumber Manusia di International College Imperia dan telah terlibat dalam industri pendidikan sejak 6 tahun lepas.

Beliau merupakan wanita India pertama yang mengambil program dwiijazah di Universiti Sains Malaysia (USM) dalam jurusan kewartawanan dan sains politik. Sekarang beliau merupakan pemimpin wanita di MIYC Selangor dan juga Presiden wanita pertama untuk Persatuan Komunikasi USM.

Beliau dianugerahkan tempat ketiga untuk Anugerah Perdana Belia Negara (Selangor). Sebelum ini beliau telah memenangi tempat ketiga di Miss Earth Malaysia 2021 dengan gelaran "*Best Speech*" dan merupakan finalis untuk *Miss World Malaysia 2021*.

N27 PENGKALAN KOTA

Arief Ferdaus Bin Azmi
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau seorang graduan dari Universiti Sains Malaysia dalam jurusan Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris Untuk Profesional dengan minor Hubungan Antarabangsa.

Di peringkat Ijazah Sarjana Muda, beliau aktif bergiat dalam universiti sebagai seorang pendebat, pemidato, dan pemimpin pelajar sebagai seorang EXCO Perhubungan Luar dan Antarabangsa untuk Majlis Perwakilan Pelajar USM. Minat beliau menjurus ke arah topik pengantarabangsaan dan usaha diplomasi negara.

Beliau percaya terdapat keperluan untuk melibatkan golongan belia dalam usaha pengantarabangsaan sebagai pemerkasaan untuk golongan belia.

N28 KOMTAR

Jason Kng Wei Liang
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau seorang mahasiswa di Universiti Sains Malaysia (USM) dan juga merupakan seorang pendebat dan pemidato USM yang sangat aktif dalam kejohanan pengucapan awam. Beliau juga seorang anggota aktif Kelab Debat dan Pengucapan Awam USM.

Di peringkat negeri, beliau telah memenangi pertandingan debat *Penang Debating Championship 2022*. Manakala di peringkat kebangsaan, beliau juga memenangi pelbagai kejohanan termasuk dinobatkan sebagai “Pendebat Popular” dalam acara *Youth Parliamentary Debathon 2022* Sesi 1 anjuran Malaysiakini.

Sebagai seorang belia, beliau tetap cakna dengan perkembangan semasa di peringkat tempatan dan antarabangsa. Beliau juga berhasrat untuk membudayakan budaya debat sihat dan melunturkan stigma bahawa ada sesetengah perkara yang tidak boleh diperbincangkan di khalayak umum.

N29 DATOK KERAMAT

Tam Xin Shun
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan peguam yang beramal di Pulau Pinang yang memberi tumpuan kepada kerja litigasi. Kini, beliau mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perundangan dari *University of London*.

Beliau juga memberikan khidmat guaman secara sukarela kepada orang yang memerlukan. Beliau amat aktif dalam aktiviti-aktiviti komuniti dan penglibatan dalam Rukun Tetangga.

N30 SUNGAI PINANG

Wei Ling
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau dilahirkan di Sarawak Bumi Kenyalang dan telah menetap di Pulau Pinang bersama ibu bapa sejak usia kecil.

Beliau seorang pelajar dalam program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dan juga berkhidmat sebagai seorang jurugambar untuk Kelab Multimedia kampus beliau.

Beliau juga sangat cakna dengan perkembangan semasa di dalam dan di luar negara. Hasratnya adalah untuk terus memberikan sumbangan kepada masyarakat, terutamanya dalam aspek pendidikan, untuk kebaikan masa depan.

N31 BATU LANCANG

Khor Yoong En
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau seorang anak kelahiran George Town, Pulau Pinang, alumni SMJK Heng Ee, dan kini menyambung pendidikan beliau di *SENTRAL College Penang*.

Di peringkat pendidikan tinggi, beliau aktif menyertai Kelab Rotarak dan juga menyandang jawatan Presiden Duta Pelajar untuk kolej. Beliau juga memiliki rekod yang cemerlang dalam bidang kepengakapan.

Beliau dianugerahkan sebagai Pengakap Raja pada tahun 2021 dan kini berkhidmat sebagai Penolong Pemimpin Kumpulan Pengakap George Town (Selatan) ke-21.

N33 AIR ITAM

Tan Yi Wei
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan alumni dari SMJK Chung Ling. Kini, beliau telah melanjutkan pelajaran di Kolej Matrikulasi Perlis dan beliau telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Kelab Inovasi. Beliau merupakan Pengarah Eksekutif Program di *MMI Young Medics.*

Beliau pernah menyandang jawatan sebagai Pengerusi Kelab *Junior Chamber International* (JCI) serta Ahli EXCO Lembaga Pengawas. Sebelum ini, beliau pernah mewakili Malaysia sebagai peserta dalam *JCI Japan Global Youth UN Ambassador Programme: World Web Summit SDG 6* dan beliau merupakan finalis bagi *Young Achievers' Award*.

N34 PAYA TERUBONG

Zulfiqar Haziq Bin Zakaria
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau merupakan mahasiswa Ijazah Sains Pentadbiran dari Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi. Beliau amat aktif dan gemar menyertai aktiviti kemasyarakatan seperti kekesukarelawan dan gotong-royong.

Beliau merupakan seorang yang berani mencuba sesuatu yang baru untuk mencabar diri.

Beliau pernah dilantik sebagai Setiausaha Agung merangkap Adjuntant 1 Majlis Perwakilan Komander Kesatria UiTM dan juga memegang jawatan EXCO Dakwah Islamiah menerusi Kelab Sahabat Yadim pada tahun 2019.

N35 BATU UBAN

Viona Putri Alizzcia bt Mohd Ali Makenderan
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau kini menyandang jawatan selaku Presiden untuk badan Duta Pelajar di *SENTRAL College Penang* dan juga Naib Presiden untuk Kelab Tarian dan Muzik.

Beliau juga memiliki pengalaman kepimpinan yang luas dalam pelbagai pertubuhan termasuk sebagai Pengerusi untuk Persatuan Bulan Sabit Merah (PBSM) SMK Bukit Gambir, Setiausaha Kelab Pencegah Jenayah, dan juga anggota kelab sukan *petanque*.

Fokus beliau kini ialah untuk memberi anak muda peluang untuk maju ke hadapan dan menyuarakan suara mereka tanpa mengira latar belakang, terutamanya anak muda pedalaman dan daripada keluarga B40.

N37 BATU MAUNG

Mohamad Faiz Hilmi Bin Kamarudin
Ahli Sidang Muda 2023



Beliau kini seorang mahasiswa di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin Perlis dan juga seorang aktivis belia yang sangat aktif.

Di kampus, beliau memegang pelbagai jawatan termasuk Ketua Biro Kolaborasi bagi Majlis Perwakilan Pelajar, Ahli Majlis Tertinggi untuk Majlis Mahasiswa Anak Pulau Pinang, dan Pengerusi Penggerak Pendidik Perlis.

Di lapangan, beliau juga aktif dalam pelbagai NGO termasuk sebagai Ketua Penerangan Rakan Siswa YADIM, Ahli Majlis Tertinggi untuk NGO Indera Youth Perlis dan anggota Dewan Muda MAYC. Beliau juga pernah terlibat dalam misi kekesukarelawan di Vietnam anjuran Yayasan Sukarelawan Malaysia dan aktif dalam sukan *petanque* dengan menyertai kejohanan peringkat antarabangsa.

SIDANG MUDA
PULAU PINANG

Pengenalan Ahli Sidang Muda adalah tepat pada tahun tersebut.

PENGHARGAAN

YAB Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

YB Dato' Law Choo Kiang
Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

Dato' Soon Lip Chee Mantan EXCO Belia dan Sukan

Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah
Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang (2018 - 2023)

YB Lim Siew Khim
EXCO Pembangunan Sosial, Kebajikan & Hal Ehwal Bukan Islam

YB Wong Hon Wai EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif

YB Sanisvara Nethaji Rayer Ahli Parlimen Jelutong

YB Syerleena Abdul Rashid Ahli Parlimen Bukit Bendera

YB Heng Lee Lee ADUN Berapit

YB Kumaresan A/L Aramugam ADUN Batu Uban

Encik Lee Wei Seang Ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang

Dato' Dr Ooi Kee Beng Pengarah Eksekutif Penang Institute

Dr Azmil Tayeb Pensyarah Sains Politik USM

Dr Razlini Mohd Ramli Pensyarah Sains Politik USM

Dr Woo Kuan Heong Pensyarah Sains Politik USM

Dr Nur Ajrun Khalid Pensyarah Sains Politik USM

Dr Francis Loh Pensyarah Sains Politik USM

Pejabat Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang

Encik Ang Tong Kai

Encik Imran Hilmy

Alumni Sidang Muda

PENGHARGAAN

Lawatan ke Parlimen Malaysia

YB Alice Lau Kiong Yieng Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat

YB Adam Adli Timbalan Menteri Belia dan Sukan

YB Lim Guan Eng Ahli Parlimen Bagan

YB Kelvin Yii Lee Wuen Ahli Parlimen Bandar Kuching

YB Chow Yu Hui Ahli Parlimen Raub

YB Ho Chi Yang ADUN Tanah Rata

Lawatan ke Agensi Kerajan Selangor

KDEB Waste Management

Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)

Tourism Selangor

Menteri Besar Selangor Incorporated

Selangor Information Technology & Digital Economy Corporation (Sidec)

Terima Kasih

SIDANG MUDA
PULAU PINANG
2022 & 2023





DEMOKRASI · AKTIVISME · GOVERNAN